

20 OCT 1998

Mahathir-Anwar

MAHATHIR HARAP POLIS TIDAK TANGKAP ISTERI ANWAR

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau secara peribadi berharap polis tidak akan menangkap isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kelihatan menyokong secara langsung demonstrasi di jalan-jalan sebagai sokongan kepada suaminya yang kini ditahan reman di penjara.

Dr Mahathir berkata beliau berasa kasihan terhadap Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang nampaknya cuba memaksa polis supaya menangkapnya.

"Beliau melakukan sesuatu yang betul dengan menyokong suaminya tetapi saya harap polis tidak akan menangkapnya," kata beliau mengenai kehadiran Dr Wan Azizah hujung minggu lepas sebagai menyokong satu demonstrasi pro-Anwar di Kuala Lumpur.

"Tetapi apa yang dilakukan atau yang tidak akan dilakukan oleh polis adalah urusan mereka sendiri," kata Perdana Menteri sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh seorang pemimpin tinggi perniagaan Jepun pada satu seminar di sini.

Dr Mahathir berkata Anwar mempunyai banyak sokongan terutama di kalangan golongan muda yang telah "dipupuknya" sehingga ke peringkat menjadi penyokong yang fanatik.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata demonstrasi pro-Anwar yang bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan tidak akan berjaya kerana majoriti besar rakyat Malaysia tidak menyokong "rusuhan jalanan" seperti yang menggulingkan Presiden Suharto di Indonesia pada Mei lepas.

Beliau berkata Anwar mempunyai banyak penyokong terutama di kalangan golongan muda sehingga mereka menjadi penyokong fanatik yang membuat bantahan tentang bagaimana Anwar dilayan berikutan penangkapannya.

"Anwar adalah ahli pidato yang hebat dan sangat meyakinkan dan seorang yang kelihatan sangat warak, dengan yang demikian beliau mempunyai penyokong yang fanatik di belakangnya. Tetapi keadaan di Malaysia tidaklah seteruk yang digambarkan oleh CNN, CNBC atau BBC," katanya.

Hatakeyama, seorang bekas Naib Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sebelum itu bertanya Dr Mahathir mengapa begitu ramai orang yang keluar memberi sokongan kepada Anwar sejak beliau dipecat.

Perdana Menteri berkata pemecatan Anwar berbeza dengan tindakan seumpamanya yang diambilnya terhadap beberapa menteri lain sebelum ini hanyalah kerana Anwar tidak menerimanya dan membuat bantahan di jalan-jalan bersama penyokongnya untuk menjatuhkan kerajaan.

Anwar, yang mengaku tidak bersalah terhadap 10 tuduhan rasuah dan melakukan hubungan seks luar tabii, sedang ditahan reman sementara menunggu perbicaraannya yang dijadual bermula pada 2 Nov.

Apabila ditanya mengapa kerajaan Malaysia seolah-olah mendapati Anwar bersalah terhadap tuduhan yang dihadapinya sebelumpun perbicaraan bermula, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berbuat seperti itu.

"Saya hanya melucutkan jawatannya dalam kerajaan dan itu adalah hak saya sebagai Perdana Menteri. Tetapi media asing sudah membuat keputusan bahawa kerajaan tidak baik. Andalah yang mensabitkan kesalahan terhadap kerajaan," kata beliau pada persidangan berita yang penuh sesak selepas itu di Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun sebelum berlepas pulang setelah melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Mengenai tindakan Presiden Indonesia B.J. Habibie dan Presiden Filipina Joseph Estrada mengaitkan kehadiran mereka pada persidangan kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur bulan depan dengan

layanan kerajaan terhadap Anwar, beliau berkata keda-dua presiden itu mempunyai hak untuk melahirkan pendapat mereka mengenai perkara itu tetapi tidak untuk campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia.

"Terserahlah kepada mereka untuk membuat keputusan sama ada mahu hadir atau sebaliknya. Saya sendiri tidak hadir pada persidangan kemuncak Apec di Seattle (1993). Tetapi orang lain hendaklah juga menilai diri mereka sendiri sama ada mereka layak untuk mengkritik kami," kata Perdana Menteri.

Laporan dari Manila menyatakan yang Estrada akan menghadiri sidang kemuncak itu walaupun beliau telah mengkritik layanan terhadap Anwar dan menyambut baik tawaran yang dibuat oleh Dr Mahathir semasa lawatannya ke sini untuk membenarkan beliau mengunjungi Anwar di penjara.

Bagaimanapun sebelum itu Hatakeyama, Pengerusi Jetro, memberitahu seminar itu bahawa beliau telah melawat Indonesia baru-baru ini dan mendapati keadaan ekonomi di negara itu telah bertambah buruk disertai pula dengan keadaan politik yang terus tidak stabil.

Beliau berkata, yang paling membimbangkan ialah bayang-bayang kegelisahan sosial di Indonesia kerana harga beras telah meningkat sebanyak empat kali ganda daripada paras sebelum kejatuhan Presiden Suharto.

Beliau berkata beliau diberitahu bahawa peningkatan harga beras itu disebabkan perdagangan beras di Indonesia dikuasai oleh rakyat keturunan Cina tetapi oleh kerana banyak daripada mereka telah meninggalkan negara itu ekoran rusuhan pada Mei lepas, perdagangan beras menjadi tidak teratur lagi.

"Saya telah diberitahu bahawa Indonesia memerlukan masa 15 tahun untuk memulihkan ekonominya," kata Hatakeyama.

Negara itu tidak mempunyai kestabilan politik, katanya.

Beliau berkata; "Tanpa kestabilan politik tidak akan wujud kestabilan ekonomi dan tanpa kestabilan ekonomi, tidak ada kestabilan politik di Indonesia.

"Saya telah diberitahu bahawa akan berlaku satu pusingan demonstrasi jalanan lagi dan bahawa Presiden Habibie akan kehilangan jawatannya jika berlaku demonstrasi oleh rakyat jelata," kata Hatakeyama, yang mempunyai pendapat yang dianggap "berani" pada ukuran Jepun.

Pada persidangan berita sebelum berlepas kemudian, Dr Mahathir juga berkata beliau menyambut baik peluang untuk bercakap kepada kumpulan wakil media antarabangsa yang begitu ramai dan meminta mereka membuat laporan yang adil mengenai Malaysia.

"Malaysia telah diberikan liputan yang sangat buruk dalam tempoh setahun lepas. Bagi anda, tiada apa pun yang kami lakukan itu betul -- sama ada mengenai dasar ekonomi mahu pun dasar dalam negeri.

"Saya hanya minta anda memberikan kepada kami layanan yang sama dengan yang anda berikan kepada mereka yang menentang kami. Lagi pun kebebasan akhbar juga bermakna berlaku adil dan akhbar hendaklah berlaku adil kepada kami," katanya.

Perdana Menteri berkata jika laporan negatif mengenai Malaysia hendak dipercayai, maka banyaklah perkara dahsyat berlaku di negara itu, tetapi hakikatnya ialah Malaysia sedang mencapai prestasi yang lebih baik daripada jiran-jirannya yang telah mendapatkan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau juga berkata masalah kewangan Asia Tenggara dan rantau Pasifik akan dibicarakan dengan terperinci pada Persidangan kemuncak Apec untuk mencari sesuatu bentuk persefahaman tentang cara menangani krisis itu.

-- BERNAMA

AU RM NMO